


BAB PERTAMA

PENDAHULUAN



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Kemiskinan ialah satu konsep yang relatif dan sangat kompleks, tetapi ia mempunyai tarikan yang tinggi di kalangan pentadbir, politikus dan para dedikawan. Walaupun kemiskinan telah wujud semenjak awal peradaban manusia lagi tetapi sampai sekarang perbincangan tentangnya masih hangat diperkatakan lagi. Malah masalah kemiskinan telah menjadi perkara pokok di mana saja kita membincangkan pengolahan sesuatu masarakat.

Begitu juga dengan negara kita Malaysia, tidak ketinggalan dalam menghadapi masalah kemiskinan. Di Malaysia usaha-usaha untuk membasmikan kemiskinan begitu pesat sekali dijalankan dan ini dapat diihat dari perangal-bagai polisi pembangunan seperti yang terdapat dalam perangal-rancangan lima tahun.

Usaha yang paling ketara yang dijalankan untuk membasmikan kemiskinan ialah dengan pelancong Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang semakin matlamat utamanya untuk

membasmi kemiskinan tanpa meniru kaum. Kesejaran terhadap wujudnya peningkahan yang tak samarata ini, bermula setelah perlakunya rasauhan diantara kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969.

Matlamat DEB ini akan dicapai melalui usaha-usaha memperbaiki kedudukan ekonomi dan taraf hidup golongan miskin dengan cara menambahkan keupayaan untuk mendapatkan tanah, modal, latihan dan kemudahan-kemudahan awam yang lain. Tujuannya ialah ialah supaya menjelang 1990 kadar kemiskinan akan dapat dikurangkan dengan berkesan melalui perlaksanaan polisi dan program yang ditujukan khusus kepada golongan miskin.

Matlamat ini bersama-sama matlamat serupa yang diajukan DEB kedua iaitu penyedun sebutia masyarakat akan dapat dicapai dengan memusatkan pertumbuhan ekonomi pada taksiran berikutnya.

seperti yang diungkapkan dalam Rancangan Rangka Jangka Panjang (RRJP) Rangkaian Nasional Kerajaan 1971-1980, kadar kemiskinan dapat dikurangkan dari pada 49.3% pada tahun 1970 kepada 16.7% pada tahun 1990. Bagi sektor perbandaran, penduduk dianggarkan akan berkurang daripada

di kurangkan daripada 58.7% kepada 23.0% bagi tempoh 1971-90, manakala bagi sektor bandar, daripada 21.30% kepada 9.1% dalam tempoh yang sama.

Walau bagaimanapun sehingga sekarang (1990) kemiskinan masih lagi menjadi masalah besar ekonomi Malaysia, walaupun Dasar Ekonomi Baru iaitu strategi utama dalam membasmi kemiskinan telah tamat.

1.1.1 KEDUDUKAN MALAYSIA

Negara Malaysia terletak di Asia Tenggara. Ia telah dibahagikan kepada dua kawasan iaitu Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan Thailand di sebelah utara manakala di sebelah selatannya bersempadan dengan Singapura.

Manakala bahagian yang keduanya ialah Sabah dan Sarawak yang terletak di barat laut Pulau Borneo. Ia terdiri daripada empat belas buah negeri dan satu Wilayah Persekutuan.¹

1. Malaysia mempunyai 13 negeri dan 1 wilayah persekutuan. Melainkan

331,000 kilometer persegi iaitu Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan seluas 132,000 kilometer persegi dan Sabah serta Sarawak se luas 199,000 persegi. Kedua-dua kawasan ini di pisahkan oleh laut Cina Selatan sekitar seluas 650 kilometer. Kedua-dua kawasan itu diilitupi oleh iklim khatulistiwa.²

1.1.2 Latar Belakang Ekonomi Malaysia.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan penduduknya dianggarkan berjumlah lebih kurang 19 juta dalam tahun 1989. Ia terdiri dari 55 peratus orang-orang Melayu dan lain-lain anak negeri (mereka ini sejatinya dikatakan sebagai masyarakat bumiputera), 34 peratus orang-orang Cina, 9 peratus orang-orang India dan 2 peratus bangsa-bangsa lain.³

Malaysia telah mewarisi sebuah ekonomi yang telah diwarah ketika Semenanjung Malaya (Malaya) mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Antara lain ekonomi Malaysia pada ketika itu bersifat separuh kapitalis. Keadaan kapitalis di Malaya mulai berkembang dengan kelebihan-

² Jabatan Penyelidikan Ekonomi Dan Perancangan Negara Dan Urusan Bank, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1979, hal 16 pengenalan.

³ Ibid.

kegiatan perdagangan dan peminjaman yang telah diberi oleh penajaah.⁴

Pada tahun 1957 iaitu setelah kemerdekaan dicapai, pemerintahan telah diberikan kepada kerajaan Perikatan yang mana mereka telah menjamin bahawa kepentingan asing tidak digugat serta susunan ekonomi Malaya di zaman penajaah tidak akan berubah secara pokok dan pelaburan asing terus dilayan.

Untuk mengelakkan sistem ekonomi Malaya sebagai pasaran barang ekspot British, pemerintah penajaah telah menyekat perkembangan perindustrian di Malaya. Setelah merdeka, kerajaan Perikatan telah mengamalkan dasar perindustrian impot tetapi ia masih lagi menguntungkan pelabur asing. Dasar ini gagal memberi pertumbuhan yang cukup pada penghujung tahun 1960-an.⁵

Walaupun peratusan milik pelabur asing dalam ekonomi berkurangan selepas merdeka, terutamanya pada tahun 1970-an tetapi ini tidak bererti kuasa mereka telah meroset.

⁴Ishak Shaari dan John K.S. Apakah Jelutong Ekonomi Suku Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan, Laporan Institut Analisa Sosial, 1984, hal. 12.

kerana dalam ekonomi sekarang banyak cara baru seperti kontrak hakcipta teknologi, pemasaran dan pengurusan dapat mengkaikan kuasa mereka.⁶

Disamping perkembangan sektor kapitalis terdapat juga rakyat negara ini yang terlibat dalam pengeluaran secara persendirian seperti kaum tani, golongan tukang dan peniaga kecil. Mahu tidak mahu mereka juga terperangkap dalam sistem ekonomi pasaran yang dikuasai secara langsung atau secara tidak langsung oleh para kapitalis asing dan tempatan.

Jadi ulasan tadi dapatlah dibuat kesimpulan bahawa ekonomi Malaysia sebenarnya telah dikongkong oleh kapitalism yang menyebabkan berlaku ketidakadilan dan pengagihan tidak sama rata.

Secara kasar boleh dikatakan bahawa tempoh 1957 - 1969 merupakan zaman "ekonomi bebas" yang menguntungkan kapitalis asing. Walaupun Dasar Ekonomi Baru telah diperkenalkan pada tahun 1970 tetapi penglibatan pihak pemerintah lebih pesat dan ini telah membantu kepada perkembangan ekonomi dalamran. Walau pun tidak diizinkan

⁶Ibid

banyak perubahan hatta sekarang ini telah dibuat tetapi ekonomi Malaysia masih lagi dikuasai oleh kepentingan Kapitalis.

1.1.3 PERTUMBUHAN EKONOMI.

Ekonomi Malaysia bergantung kepada sektor pertanian sebagai sumber pendapatan negara. Pada awal 1970 an ekonomi Malaysia lebih bergantung kepada sektor pertanian manakala pada pertenggan dan penghujung tahun 80 an struktur ekonomi telah berubah daripada penekanan kepada sektor pertanian kepada sektor perindustrian.

Sebagaimana yang telah sedia maklum sejak kemerdekaan pada tahun 1987, Malaya telah mengamalkan perancangan ekonomi. Jumlah tabungannya amat tinggi, dan dalam tempoh 1970 hingga 1980, Kejuaran Negara Kasar (KNK) telah bertambah kepada kadar purata 7.8% setahun. Ini bererti pendapatan per kapita sebenarnya dalam tahun 1980 adalah 60% lebih daripada tahun 1970, iaitu akibat daripada kadar pertumbuhan purata 4.9% setahun antara 1970-1980. Dalam tahun 1983 KNK Malaysia per kapita sering jumlah RM4,317.7 jika dianding dengan negara-negara lain di rantau

Ozay Mehmet, Pugaz Makan, Padil Anandan, Kewajikan dan Kekayaan Diri dalam Dasar Ekonomi Baru, terjemahan oleh S. Sundram, Mohd. Radziq Ahmad dan Shamsul Bahri Ishak Anas, terbitan INSAN Kuala Lumpur, 1986, halaman 11.

ASEAN, Malaysia merupakan negara yang mempunyai kader yang lebih baik selepas Singapura.

1.2 PENGERTIAN TAJUK.

Sebelum penulis membahaskan dan menguraikan tajuk ini secara lanjut adalah patut sekiranya penulis memberi pengertian perkataan yang terdapat di dalam tajuk tersebut. Di dalam memberi pengertian perkataan terhadap tajuk ini, penulis telah memilih dua perkataan untuk diberi pengertiannya, iaitu perkataan "Ekonomi" dan perkataan "Dominan" serta sedikit pengertian tentang A-Quran dan negara Malaysia.

Perkataan "Dominan" mengikut kamus Dwi Bahasa diambil dari perkataan Inggeris iaitu "dominant" yang mempunyai erti berpengaruh, berkuasa, paling mustahak. The member in a partnership - ahli yang paling berkuasa atau berpengaruh dalam sesuatu perkongsian, yang paling tinggi dan not yang kelima dalam tangga nada.⁸

⁸ Dwi Bahasa, Kamus Dwi Bahasa, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cetakan Kedua, 1981 (halaman 39).

Perkataan "Ekonomi" menurut kamus Dewan dapat dibahagikan kepada empat pengertian. Pertama ekonomi diertikan sebagai pengetahuan mengenai pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta masalah-masalah (kemasyarakatan, buruh, kewangan dan lain-lain).

Kedua ekonomi diertikan sebagai sistem atau cara pengeluaran (pembahagian dan penggunaan) harta atau barang-barang serta perkhidmatan. Manakala pengertian yang ketiga pula, ekonomi diertikan sebagai kekayaan dan kebendaan. Seterusnya pengertian terakhir ialah urusan mengenai hal-hal (perbelanjaan, penggunaan dan lain-lain) dalam rumah tangga.⁹

Menurut "Kamus Lengkap" suntingan Drs. Awang Hairul dan Yusoff Khan¹⁰ ekonomi diertikan sebagai:

"Economy, system of avoidance of waste of money, strength or anything of value ; economy control and management of the money, goods and others' resources of a community, society or household."

⁹Teuku Iskandar, Kamus Dewan Dalam Edisi Baru, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1984, hal:283.

¹⁰Dr. Awang Sudjai Hairul, Kamus Lengkap, terbitan Pustaka Zaman 1977, hal: 241.

Pengertian ini bermaksud: Ekonomi ialah sistem atau cara menjauhkan pemborosan wang, kekuatan atau sesuatu yang berharga. Pengawalan dan pengurusan wang, barang-barang dagangan dan penjualan suatu golongan, masyarakat atau rumahtangga.

Perkataan ekonomi adalah dianggap juga sebagai terjemahan lama bagi perkataan yang berasal dari bahasa Greek iaitu OIKONOMOS yang dalam bahasa itu bererti (pengurusan hal ehwal rumahtangga).¹¹

Manakala takrif atau definisi ekonomi menurut George Saul dalam bukunya "Mazahibu Iktisadiyat Kubra" yang diterjemahkan kedalam bahasa Arab oleh Dr. Rasyid Al-Barawi telah menambah takrif atau definisi ini dengan katanya yang bermaksud: "Lafaz ini tidaklah terhenti pengertian yang digunakan oleh orang-orang Greek diatas urusan rumahtangga sahaja menurut maknanya yang literal dan harfiah, bahkan dimaksudkan juga denganannya sesebuah kerajaan atau apa yang terkenal disisi mereka dengan nama "City State".¹²

¹¹Dr. Mahmud Muhammad Rabili, Ekonomi Dari Kacuan Isi dan Terjemahan Ismail bin Mohd. Hassan, Siri penerbitan YAYASAN ISLAM TERENGGANU 1988, hal: 1

¹²Ibid. Halaman: 2

Manakala pengertian ekonomi menurut Al-Quran adalah seperti firman Allah dalam surah Al-Furqan ayat 67 yang berbunyi:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْرُبُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوْمًا.

Ertinya: "Dan juga mereka yang direndahi Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya, tiada lampaui batas dan tiada bakhil kedekut, dan sebaliknya ada betul sederhana antara kedua cara itu".¹³

Inilah pengertian atau definisi kalimah itu yang bersederhana diantara dua tahap: Boros dan kedekut. Kedua-duanya adalah ditegah bahkan yang diperintah oleh Tuhan ialah supaya seseorang Islam itu belanja harta bendanya dengan sederhana, tidak boros dan tidak pula kedekut dan di tahap inilah terletak ekonomi itu.

Manakala negara Malaysia sebagaimana yang tersebut di muka pertama adalah sebuah negara yang mempunyai hasil mahsul yang banyak. Malaysia juga mempunyai bilangan penduduk yang sangat kecil iaitu lebih kurang 19 juta orang sahaja. Jika dibandingkan dengan bilangan penduduk yang kecil dengan sumber Islam yang ada kemungkinan besar bahawa pendapatan per kapita penduduknya melebihi apa yang terdapat sekarang ini iaitu dalam lingkungan RM3500 seorang.

13 Surah Al-Furqan ayat 67.

setahun.¹⁴

Manakala akhir sekali penulis cuba memberi makna Al-Quran secara ringkas. Al-Quran menurut bahasa bererti "bacaan".¹⁵ Dalam erti ini Allah berfirman yang berbunyi:

وَنَحْنُ بِهِ لَسَانٌ لِتُبَلِّغَ بِهِ إِنْعِلَامًا جَمِيعًا وَقُرْآنٌ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ
فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ثُمَّ إِنْ عَلِيَّنَا بِيَانٌ .

Yang bermaksud: Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk segera membaca, sesungguhnya adalah atas tanggungan Kami mengumpulkannya (di dalam dadamu) dan (menjadikan kamu pandai) membaca. Apabila Kami telah selesai membacakannya maka ikutilah bacaannya itu kemudian sesungguhnya di atas tanggungan Kami lah penjelasannya".¹⁶

Manakala menurut istilah, Al-Quran mempunyai banyak erti, di antara erti yang dapat dirumuskan menurut pendapat Ulama' adalah seperti berikut: Al-Quran lafaz dalam bahasa Arab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. disampaikan kepada kita secara mutawatir iaitu sejumlah besar sahabat menerima dari Nabi, kemudian sejumlah besar itu menyampikannya kepada sejumlah besar,

¹⁴ Syed Othman Al-Habshi, Islam... Ekonomi dan Pengurusan, terbitan Pustaka Hizbi 1989, hal:36.

¹⁵ Dr. Ruslan Adjun, Mengenal... Al-Quran... Beberapa Masalah... Dalam Pengantar Ilmu Tafsir, terbitan Pustaka Al-

¹⁶ Al-Quran, Surah Al-Qiyasah, ayat. 16-19.

sehingga sampai kepada kita seperti diucapkan Nabi tanpa perubahan, pergantian, pengurangan dan penambahan.¹⁷

Berdasarkan kepada huraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa pengertian tajuk ini ialah untuk mengemukakan kepada pembaca tentang masalah unggul ekonomi Malaysia yang diperbahaskan dari dulu hingga sekarang dan juga untuk mengetahui apakah cara yang diperkenalkan oleh Al-Quran dalam mengatasi masalah tersebut.

Adapun masalah yang diselidiki dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah kemiskinan merupakan masalah dominan ekonomi Malaysia?
2. Apakah konsep dan pengukuran kemiskinan yang digunakan di Malaysia?
3. Bagaimanakah langkah-langkah yang ditunjukkan oleh Al-Quran dalam menyelesaikan masalah kemiskinan?

1.3 METODOLOGI

Dalam penyelidikan ini penulis menggunakan beberapa metod iaitu;

¹⁷Dr. Ruslan Adjun, op. cit. hal; 17.

1.3.1. METOD PENGUMPULAN DATA

Untuk mengumpulkan data dalam penyelidikan ini penulis menggunakan metod-metod berikut;

i. Metod interview.

Iaitu dengan menemuramah orang-orang tertentu secara berhadapan bagi memperolehi data yang diperlukan. Ini dilakukan dengan menggunakan cara perhubungan yang lancar dan wajar.

ii. Metod Dokumentasi.

Iaitu mendapatkan dokumen-dokumen dari pejabat-pejabat seperti laporan-laporan, kertas kerja-kertas kerja, majalah-majalah, jurnal-jurnal, akhbar-akhbar dan lain-lain lagi.

iii. Penyelidikan Perpustakaan.

Iaitu dengan menghadiri beberapa buah perpustakaan dalam membuat kajian untuk mendapatkan data bagi menyiapkan Kertas Projek ini.

1.3.2. METOD ANALISA DATA

Dalam menganalisa dan menyusuri data yang telah diperolehi, penulis menggunakan metod-metod berikut;

i. Metod Deduktif.

Iaitu menghuraikan sesuatu permasalahan dan membuat kesimpulan secara lebih terperinci, lalu mengemukakan data-data yang lengkap serta contoh-contoh yang relevant.

ii. Metod Induktif.

Iaitu dengan menghuraikan sesuatu masalah secara umum atau memberi kesimpulan sahaja tanpa membuat penafsiran yang lebih menditil dan terperinci.

iii. Metod Komparatif.

Iaitu secara membuat perbandingan antara satu kenyataan dengan yang lain samada berbentuk pendapat-pendapat, masa dan peristiwa.

Itulah beberapa metod yang digunakan oleh penulis dalam menyiapkan Kertas Projek ini. Kedua-dua metod-metod ini akan dihuraikan secara lebih terperinci lagi iaitu dalam Bab III nanti iaitu Bab Metodologi. Insya Allah.

1.4 TUJUAN PENYELIDIKAN.

Dalam suatu penyelidikan merupakan permasalahan

Dominan Ekonomi Malaysia Dan Penyelesaiannya Menurut Al-Durhan, penulis mempunyai tujuan tertentu di samping untuk mengetahui masalah ekonomi Malaysia. Antara tujuan tersebut ialah;

1. Untuk memenuhi syarat bagi mendapat Sarjana Muda Usuluddin, di mana tajuk ini setahu saya masih belum disinggung oleh mana-mana pelajar Akademik Islam sebelum ini. Di samping itu juga penulis merasakan bahawa topik ini penting untuk dibuat kajian memandangkan keadaan masyarakat sekarang.
2. Penulis juga ingin menarik perhatian masyarakat supaya lebih peka dan sensitif masalah-masalah di sekeliling mereka terutama benda-benda yang berunsur agama.
3. Untuk melatih diri penulis sejak sejak dan cara-cara untuk membuat penyelidikan. Ini akan mendorong penulis membuat penyelidikan selanjutnya.
4. Penulis juga ingin memberi makna masyarakat bahawa Tadlim bukanlah agama yang sempit yang hanya membicarakan soal-soal sembahyang, puasa dan lain-lain lagi, tetapi penulis ingin masyarakat melihat Islam sebagai Al-Deen yang syuhudi yang merangkumi semua aspek kehidupan dunia dan akhirat.

5. Akhir sekali penulis juga ingin menjadikan kajian ini sebagai perintis kepada kajian penulis seterusnya.

1.5 SISTEMATIKA PENULISAN.

Untuk memudahkan perbincangan mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan tajuk ini, penulis telah membahagikan kepada lima bab iaitu;

- 1.Bab I Pendahuluan.
- 2.Bab II Landasan Teori.
- 3.Bab III Metodologi.
- 4.Bab IV Laporan Penyelidikan Dan penganalisaan Data.
- 5.Bab V Penutup.

Dalam Bab I penulis telah membahagikan kepada lima bahagian;

1. Latar Belakang Masalah.

Dalam bahagian ini perbincangan adalah berkisar di sekitar permasalahan kemiskinan serta latar belakang ekonomi Malaysia serta diterangkan seroda sedikit tentang kedudukan Malaysia.

2. Pengertian Tajuk Dan Perumusan Masalah.

Bahagian ini menerangkan secara ringkas pengertian perkataan yang terkandung dalam topik, lalu dibuat satu kesimpulan yang menjadi pengertian tajuk ini.

3. Metodologi.

Metodologi dalam bab ini hanyalah diperkenalkan secara ringkas sahaja, manakala secara panjang lebar akan dibincangkan dalam bab khusus iaitu Bab III.

4. Tujuan Penyelidikan.

Dalam bab ini juga diterangkan tujuan sebenar penulis membuat kajian ini, di samping tujuan pokoknya untuk memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Uluuddin.

5. Sistematika Penulisan.

Ia juga dikongsikan dengan susunan penulisan di mana penulis telah memaparkan dari bab ke bab tentang apa yang akan dibincangkan dalam Kertas projek dan pantas.

Dalam Bab II pula, penulis membincangkan Landasan Teori kepada tajuk ini, iaitu memperincikan perpaduan antara teori-teori yang relevan dengan tajuk ini.

tentang tajuk-tajuk berikut:

1. Asas Falsafah Ekonomi Islam.
2. Kemiskinan Secara Umum.
3. Kemiskinan Menurut Pandangan Al-Qur'an.
4. Konsep Dan pengukuran Kemiskinan Menurut Islam.
5. Implikasi Kemiskinan Menurut Pandangan Islam.
6. Konsep Dan Pengukuran Kemiskinan Di Malaysia.

Dalam Bab III iaitu Bab Metodologi, penulis membahagikan kepada tiga bahagian;

1. Metod pengumpulan data.
2. Metod penulisan dan penganalisaan data.

Di bawah metod pengumpulan data terdapat tiga cabang iaitu metod penyelidikan perpustakaan, interview dan dokumentasi. Di bawah metod penulisan dan penganalisaan data dibahagi pula kepada tiga metod iaitu induktif, deduktif dan komparatif.

Dalam Bab IV terdapat dua tajuk utama iaitu;

1. Keadaan Kemiskinan Di Malaysia.
2. Kemiskinan Dan Penyelesaiannya - Menurut Al-Qur'an.

Di bawah bahagian yang pertama diajukan

Keadaan kemiskinan dan serta faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan ini. Manakala di bawah tajuk yang kedua puluh dibincangkan secara panjang lebar tentang pandangan Al-Quran dalam memyelesaikan kedua-dua masalah tersebut. Di samping itu di bawah tajuk ini juga diuraikan secara terperinci bagaimana Al-Quran menyelesaikan kedua-dua masalah tersebut.

Dalam Bab V dikemukakan kesimpulan kepada semua perbincangan yang terdapat dalam Kertas Projek ini.

1.6 TUMPUAN KAJIAN

Dalam membincangkan tajuk kertas projek ini penulis telah mengambil kemiskinan sebagai masalah dominan ekonomi tanpa menafikan terdapat masalah lain yang tidak kurang pentingnya. Dalam membincangkan masalah kemiskinan penulis juga telah memberi lebih penekanan kepada masalah kemiskinan luar bandar mengandangkan ia merupakan tumpuan kemiskinan di Malaysia.

1.7 MASALAH KAJIAN

Dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini penulis telah menghadapi beberapa masalah serta kesukaran.

yang sememangnya tidak dapat penulis elakkan. Terutama dalam usaha penulis mendapatkan data dan fakta, iaitu bahan-bahan berbentuk dokumen bagi melengkapkan fakta-fakta yang penting.

Begitu juga dalam usaha penulis untuk mendapatkan bahan-bahan serta maklumat-maklumat daripada responden. Terdapat sebahagian daripada responden yang tidak mahu memberi kerjasama yang di harapkan. Kini berkemungkinan mereka tidak memahami maksud penulis.

Penulis juga terpaksa membelanjakan banyak wang dan masa bagi tujuan penyelidikan ini. Ini kerana penulis kadang-kadang terpaksa pergi ke kawasan-kawasan yang dikenal pasti miskin untuk melihat sendiri keadaannya. Oleh kerana biasiswa penulis tidaklah seberapa maka penulis terpaksa mencari dari sumber yang lain.

Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa sesuatu kerja yang baik selalunya tidak terlepas dari menghadapi kesukaran dan permasalahan. Sesungguhnya penulisan kajian ilmiah ini benar-benar memberi pengalaman kepada penulis. Pengalaman dalam berhadapan dengan masyarakat dan juga dalam bidang penulisan.

Walau bagaimanapun kesukaran dan masalah yang dihadapi oleh penulis, penulis tetap bersyukur ke hadhrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniannya maka penulis dengan sedikit sebanyak kekuatan dapat menghasilkan latihan ilmiah ini.

